



## KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT

Director General of Social Welfare

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Department of Social Welfare

Aras 6, 9-18, No. 55 Persiaran Perdana,

Presint 4,

62100 PUTRAJAYA.



Tel : 603 - 8323 1777

Faks (Fax) : 603 - 8323 2092

Laman Web : www.jkm.gov.my

(Website)

JKMM 100/05/4/1 Jld 39( )

15 April 2016

**Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**  
**Semua Pengarah Bahagian**  
**Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri / Wilayah**  
**Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan**  
**Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah**

Tuan / Puan,

### **SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT (SPKPKM) BILANGAN 4 TAHUN 2016 BERKENAAN KENYATAAN MEDIA**

Dengan segala saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling KPKM Bilangan 4 Tahun 2016 untuk perhatian dan tindakan tuan / puan selanjutnya. Mohon ambil perhatian bahawa Surat Pekeliling ini adalah terpakai ke atas semua pegawai dan kakitangan di bawah JKM.
3. Sehubungan dengan itu, semua warga JKM hendaklah mematuhi SPKPKM ini.
4. Semua Pengarah Bahagian / Negeri hendaklah membuat hebahan dan edaran sewajarnya kepada semua warganya sehingga ke peringkat Daerah / Jajahan / Institusi dan memastikan supaya SPKPKM ini dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya.



**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT (SPKPKM) BILANGAN 4 TAHUN 2016  
BERKENAAN KENYATAAN MEDIA**

Kerjasama tuan / puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"BERKAT BERJASA"**

Saya yang menurut perintah,

  
DATO' HJ ZULKIPLY BIN RAMLI

Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



## **SURAT PEKELILING**

---

### **KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT BILANGAN 4 TAHUN 2016**

---

#### **KENYATAAN MEDIA**

#### **1. TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa sebarang kenyataan media atau maklumat dalaman Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dikeluarkan kepada media adalah perlu melalui pihak atau jawatan yang bertanggungjawab sahaja. Pihak atau jawatan yang dipertanggungjawabkan adalah seperti berikut:-

- a) Ketua Pengarah
- b) Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)
- c) Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- d) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
- e) Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah

## 2. TAFSIRAN

2.1 Garis panduan ini disediakan untuk memudahkan urusan pengeluaran kenyataan atau maklum balas daripada pihak atau jawatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan golongan sasaran JKM kepada pihak media bagi mengelakkan sebarang percanggahan informasi ketika wujud isu berbangkit.

## 3. LATAR BELAKANG

3.1 Sepertimana yang kita sedia maklum, JKM merupakan sebuah Jabatan yang bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara kesejahteraan setiap golongan sasaran yang terdiri daripada golongan **kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU), keluarga miskin, pertubuhan sukarela kebajikan dan mangsa bencana.**

3.2 Sehubungan dengan itu, dalam usaha memastikan bahawa sebarang kenyataan media untuk maklumat dalaman mengenai JKM adalah benar dan tidak bercanggah dengan maklumat sebenar Jabatan, sebarang kenyataan hanya layak dikeluarkan melalui pihak atau jawatan yang bertanggungjawab sahaja berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

#### 4. KENYATAAN BERKAITAN DASAR

- 4.1 Sebarang pertanyaan atau perkara yang melibatkan dasar JKM tidak harus disentuh dalam kenyataan media untuk maklum balas kecuali di peringkat Ibu Pejabat sahaja.
- 4.2 Bagi isu muka hadapan (*front page*) akhbar, maklum balas berkaitan perlu disediakan dengan kadar segera supaya kenyataan dapat dikeluarkan dalam tempoh kurang 24 jam oleh pihak atau jawatan yang bertanggungjawab, iaitu Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).
- 4.3 Bagi media yang memerlukan maklum balas tentang sebarang maklumat atau golongan sasaran JKM perlu merujuk terlebih dahulu kepada pihak atau jawatan yang bertanggungjawab, iaitu Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).

#### 5. KENYATAAN DI MEDIA SOSIAL

- 5.1 Kenyataan maklum balas kepada pihak media di media sosial, sama ada isu yang sedang *viral* atau yang berbangkit, perlulah disediakan dalam tempoh kurang 24 jam dan dikeluarkan oleh pihak atau jawatan yang bertanggungjawab bagi mengelakkan sebarang aduan kelewatan kepada Jabatan.

## 6. KENYATAAN BERTULIS ATAU TEMUBUAL BERSEMUKA

6.1 Kenyataan maklum balas kepada pihak media sama ada isu yang sedang *viral* atau yang berbangkit, perlulah disediakan secara bertulis ataupun melalui sesi temubual bersemuka bersama media oleh pihak atau jawatan yang bertanggungjawab bagi mengelakkan sebarang kesalahan kenyataan berlaku.


## 7. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERKAT BERJASA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**DATO' HJ. ZULKIPLI BIN RAMLI**  
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

15 April 2016

Edaran Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur dan Labuan

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah